

8hb. Jun, 1978.

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 8 TAHUN 1978**

**KAKITANGAN KERAJAAN YANG MENGHADIRI  
KURSUS DI BAWAH ANJURAN PEMADAM DI  
PERINGKAT NEGERI DAN KEBANGSAAN**

Saya diarah memaklumkan bahawa Kerajaan akan memberi kebenaran kepada kakitangan Kerajaan untuk mengikuti kursus, di bawah anjuran PEMADAM, samada di peringkat Negeri atau Kebangsaan, sebagai menjalankan tugas-tugas rasmi. Pilihan kakitangan Kerajaan untuk mengikuti kursus tersebut hendaklah berasaskan kepada peranan antidadah yang cergas dalam masyarakat yang diambil oleh seseorang kakitangan itu di samping menjalankan tugas-tugas rasmi mereka sehari-hari.

2. Dengan yang demikian, maka kakitangan Kerajaan yang terpilih sebagai peserta-peserta kursus anjuran PEMADAM itu tidak dikehendaki mengambil sebarang cuti bagi maksud itu dan mereka boleh, tertakluk kepada kepentingan perkhidmatan, dibenarkan oleh Ketua Jabatan masing-masing menghadiri kursus tersebut dengan disifatkan sebagai menjalankan tugas-tugas rasmi dan layak, jika menepati syarat-syaratnya, menuntut elaun-elaun mengikut kelayakan dan peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1977 dan pindaan-pindaan terhadapnya dari semasa ke semasa.
3. Peruntukan di dalam Surat Pekeliling ini adalah berkuatkuasa daripada 1hb. Jun, 1978.

Sekian dimaklumkan.

Saya yang menurut perintah

(IBRAHIM BIN ABDUL MALEK)

Bahagian Gaji,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.

Ketua Setiausaha Negara,  
Jabatan Perdana Menteri, Malaysia,  
Jalan Dato'Onn,  
**Kuala Lumpur.**

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan.  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

Ketua Setiausaha,  
Perbendaharaan Malaysia,  
Jalan Duta,  
**Kuala Lumpur.**

Juru Audit Negara,  
Malaysia,  
**Kuala Lumpur.**